



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

PROGRAM TENAGA HIJAU KORPORAT SOKONG AGENDA PEMBANGUNAN EKONOMI HIJAU NEGARA

Seiring dengan peningkatan kesedaran untuk menangani kesan perubahan iklim di peringkat global, syarikat dan konglomerat terkemuka dunia bertekad untuk mengurangkan jejak karbon dalam operasi perniagaan masing-masing termasuk peralihan kepada bekalan tenaga elektrik hijau. Inisiatif korporat RE100 merupakan komitmen syarikat dan konglomerat menggunakan tenaga elektrik hijau sepenuhnya, turut melibatkan syarikat-syarikat antarabangsa yang beroperasi di Malaysia.

Pada masa ini, syarikat-syarikat di Malaysia boleh memenuhi komitmen penggunaan elektrik hijau melalui pemasangan sistem solar fotovoltaik (PV) di premis bangunan melalui Program *Net Energy Metering* (NEM) dan *Self Consumption* (SelCo). Di samping itu, syarikat juga boleh membeli sijil Tenaga Boleh Baharu (TBB) atau membuat langganan Tarif Elektrik Hijau (*Green Electricity Tariff - GET*). Berikutan permintaan kepada bekalan tenaga elektrik hijau terus meningkat, program dan inisiatif/kaedah sedia ada dijangka tidak lagi mampu untuk memenuhi permintaan tersebut.

Justeru, Kerajaan memperkenalkan Program Tenaga Hijau Korporat atau dikenali sebagai *Corporate Green Power Programme* (CGPP) yang mengguna pakai mekanisme Perjanjian Pembelian Tenaga Maya atau *Virtual Power Purchase Agreement* (VPPA) dengan jumlah kuota sebanyak 600MW, bagi membolehkan syarikat-syarikat korporat yang beroperasi di Malaysia mencapai komitmen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Langkah strategik ini juga berupaya untuk mengekalkan syarikat-syarikat sedia ada serta menarik syarikat-syarikat antarabangsa yang lain untuk melabur di Malaysia.

Di bawah program CGPP, syarikat korporat yang layak boleh memeterai Perjanjian Tenaga Hijau Korporat (PTHK) dengan penjana tenaga solar bagi penjualan dan pembelian TBB secara maya dengan terma dan syarat yang dipersetujui bersama. PTHK ini merupakan suatu ikatan perjanjian perlindungan harga kewangan (*financial hedge*) dwi-hala yang memperincikan struktur penetapan harga yang dipersetujui di antara pihak syarikat korporat dan penjana tenaga solar berdasarkan nilai atau faedah kewangan yang tersedia melalui pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG) yang diperolehi daripada penjanaan tenaga solar.

Pemeteraihan ikatan kontrak perlindungan harga kewangan (*financial hedge*) di antara syarikat korporat dengan penjana tenaga solar akan membolehkan pihak penjana menyertai pasaran elektrik yang dikendalikan oleh Single Buyer melalui mekanisme *New Enhanced Dispatch Arrangement* (NEDA) dengan faedah-faedah seperti berikut:

- a. mengurangkan risiko yang ditanggung oleh penjana tenaga solar ekoran turun-naik harga pasaran elektrik; dan
- b. membolehkan syarikat-syarikat korporat mendapat bekalan tenaga elektrik hijau secara maya dengan harga tetap untuk satu tempoh yang lama dan juga memperolehi Sijil Tenaga Boleh Baharu (*Renewable Energy Certificate -REC*) daripada penjana tenaga solar untuk meningkatkan komitmen ESGnya.

Mekanisme baharu ini dinamakan PPA maya kerana pembekalan elektrik hijau ini tidak melibatkan penyaluran fizikal bekalan elektrik secara terus oleh penjana tenaga solar kepada pihak syarikat. Sebaliknya, bekalan elektrik masih disalurkan seperti biasa oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui sistem dan infrastruktur pembekalan elektrik sedia ada. Perincian mengenai struktur pelaksanaan mekanisme VPPA adalah seperti berikut:



Permohonan penyertaan program CGPP akan dibuka pada 7 November 2022 hingga 31 Disember 2023 atau sehingga kesemua kuota yang disediakan selesai diagihkan, yang mana terdahulu. Bagi memastikan supaya proses penilaian permohonan dilakukan secara telus dan teratur, satu Jawatankuasa Penilaian Khas yang terdiri daripada wakil Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Suruhanjaya Tenaga dan Jabatan Single Buyer akan diwujudkan. Kesemua penjana tenaga solar yang diluluskan pelaksanaan di bawah program ini hendaklah disiapkan dan mula beroperasi selewat-lewatnya pada tahun 2025.

Suruhanjaya Tenaga selaku agensi kawal selia bagi pelaksanaan program CGPP telah menyediakan "**Panduan Maklumat untuk Program Tenaga Hijau Korporat**" dan dokumen ini boleh dimuat turun dari laman sesawang Suruhanjaya Tenaga (www.st.gov.my) mulai 7 November 2022. Manakala permohonan boleh dikemukakan kepada Jabatan Single Buyer melalui laman sesawangnya di www.singlebuyer.com.my mulai 7 November 2022.

Pengenalan program CGPP akan memastikan pencapaian hasrat Kerajaan untuk meningkatkan campuran kapasiti TBB kepada 31% menjelang tahun 2025 dan 40% pada tahun 2035 serta membolehkan pengurangan pelepasan karbon sebanyak 701,000 tCO₂ setahun dicapai. Pelaksanaan projek ini berupaya menjana nilai pelaburan yang dianggarkan melebihi RM 2.0bilion dan kira-kira 7,200 peluang pekerjaan baharu dalam industri tenaga lestari negara.

31 Oktober 2022
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli